

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]**

TARIKH : 27.5.2015

SOALAN :

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) adakah pihak Kementerian membuat pemantauan terhadap pengurusan sekolah apabila membuat penilaian pemberian sebut harga kantin sekolah; dan
- (b) adakah pelaksanaannya berdasarkan tawaran sebut harga kantin yang tinggi atau tawaran harga makanan yang ditawarkan memandangkan tiada perbezaan harga makanan di antara kakitangan sekolah dan para pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan **Garis Panduan Pengurusan Kantin Sekolah** kepada semua sekolah di seluruh negara. Pihak sekolah perlu mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak KPM. Jawatan kuasa Kantin akan memantau supaya pihak pengusaha kantin mematuhi segala sebut harga dan syarat-syarat kontrak kantin termasuk harga-harga makanan dan minuman yang telah ditetapkan.

(b) Penawaran harga akan diputuskan oleh jawatan kuasa sebut harga kantin dan berdasarkan sebut harga barangan yang akan dijual di kantin.

RJM55